



Headline	Polis tambah baik sistem C4i		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Mahkamah & Jenayah	Circulation	60,000
Page No	13	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	119 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 655
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,618



Ismail (kiri) bersalaman dengan Abdul Wahab ketika majlis menyerahkan MoU, semalam.

Polis tambah baik sistem C4i

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menambahkan baik sistem C4i melibatkan urusan mengarah, mengawal, komunikasi, koordinasi dan informasi dalam keberkesanan polis dalam mengurangkan kadar jenayah.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, Mimos Berhad (Mimos) dilantik sebagai perunding yang akan mengkaji dan mencadangkan teknologi yang sesuai untuk diguna pakai oleh PDRM dalam membangunkan sistem C4i

Menurutnya sistem itu telah mula diguna pakai di kawasan Lembah Klang sejak tahun 2002 itu akan diperluaskan semua negeri.

"Melalui sistem itu, ia dapat mempercepatkan proses membuat keputusan bagi menangani sesuatu insiden, disamping mempertingkatkan kecekapan polis," katanya.

Ismail berkata, beberapa komponen baru akan diserapkan dalam sistem berkenaan antaranya integrasi pengkalan data, sistem pengurusan krisis dan bencana dan penyimpanan rekod data maklumat.

"Perkhidmatan Mimos sebagai perunding adalah satu kolaborasi yang sangat signifikan kerana ia merupakan satu titik tolak pemantapan perkhidmatan polis ke arah sistem kepolisan bertaraf dunia," katanya pada sidang media selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara PDRM dan Mimos Berhad di sini, semalam.